

**APLIKASI TEKNOLOGI MODEN TERHADAP BACAAN AL-QUR'AN:  
TUMPUAN KAJIAN TERHADAP ENERGI SURAH  
AL-FATIHAH DAN SURAH YASIN**

Yohan Kurniawan<sup>1</sup>  
Hishamuddin Md Som<sup>2</sup>  
Salasiah Binti Omar<sup>3</sup>

**Abstrak**

*Bacaan Al-Quran telah lama diketahui memiliki kekuatan atau energi yang bersifat positif. Walaupun demikian kajian yang bertujuan untuk membuktikan kewujudan energi Al-Qur'an ini secara saintifik masih sangat kurang dijalankan. Hal ini menyebabkan kesukaran pakar-pakar agama Islam untuk menjelaskan secara ilmiah energi atau kekuatan Al-Qur'an tersebut. Objektif kajian ini ialah menguji dan membuktikan kekuatan atau energi daripada Al-Quran (Surah Al-Fatihah dan Surah Yassin) secara saintifik berdasarkan warna Aura Kajian yang dijalankan adalah kajian kuasi eksperimen dengan rekabentuk kajian berupa pre dan post test. Responden kajian dipilih secara rawak dengan syarat: belia berumur antara 20 – 40 tahun, pelbagai bangsa, responden bukan pelajar atau bekas pelajar tafiz, dan juga bukan guru mengaji. Responden kajian seramai 30 orang yang dibahagikan menjadi DUA (2) kumpulan iaitu: kumpulan responden Muslim (15 responden) dan kumpulan responden bukan Muslim (15 responden). Peralatan kajian yang digunakan adalah peralatan WinAura. Hasil kajian mendapati bahawa warna Aura Surah Al-Fatihah adalah hijau untuk kumpulan responden Muslim dan bukan Muslim. Warna hijau bermakna penyembuhan. Warna Aura untuk Surah Yasin adalah biru bagi kumpulan responden Muslim dan oren untuk kumpulan responden bukan Muslim. Warna biru bermakna kedamaian dan ketaqwaan kepada Allah. Warna oren bermakna perasaan seronok dan semangat hidup. Kajian ini membuktikan bahawa energi atau kekuatan yang dimiliki oleh Al-Qur'an dapat dibuktikan secara ilmiah menggunakan metode penyelidikan dan peralatan moden pada masa kini.*

**Kata kunci:** Energi al-Qur'an, Warna aura, kajian saintifik, Surah al-Fatihah, Surah Yasin

**PENDAHULUAN**

Berdasarkan perkataannya, al-Quran berasal daripada Bahasa Arab yang bermakna “bacaan” atau “sesuatau yang dibaca secara berulang-ulang” (Awan, 2010). Perkataan al-Quran ialah bentuk kata benda (*masdar*) daripada kata kerja *qara'a* yang bererti membaca (Awan, 2010).

<sup>1</sup> Penulis merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

<sup>2</sup> Penulis merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah, Universiti Putra Malaysia (UPM)

<sup>3</sup> Penulis merupakan alumni pascasiswazah, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Penggunaan perkataan ini dapat ditemui pada salah satu surah dalam al-Quran iaitu pada ayat 17 dan 18 Surah al-Qiyamah yang bermaksud:

*“Sesungguhnya mengumpulkan Al-Quran (di dalam dadamu) dan (menetapkan bacaannya (pada lidiahmu) itu adalah tanggungan Kami. (Kerana itu,) jika Kami telah membacakannya, hendaklah kamu ikuti (amalkan) bacaannya”* (Awan, 2010).

Al-Quran menurut erti istilah merupakan Kalam Allah yang diturunkan kepada RasulNya dan penutup para NabiNya, Muhammad yang diawali dengan surah Al-Fatihah dan diakhiri dengan Surah An-Naas (Sharhan, 2014). Allah telah menjaga Al-Qur’an ini daripada perubahan, penambahan, pengurangan, dan penggantian (Sharhan, 2014) seperti dijelaskan dalam Al-Quran:

*“Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran kepadamu (wahai Muhammad) secara beransur-ansur.”* (Surah al-Insan [76]:23) (Sharhan, 2014).

*“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan sesungguhnya Kami benar-benar menjaganya.”* (Surah al-Hijr [15]:9) (Sharhan, 2014).

Al-Quran telah lama diketahui memiliki kekuatan atau energi yang memberi impak kepada fizikal dan mental manusia. Akan tetapi sehingga saat ini masih kurang kajian saintifik yang dijalankan bagi membuktikan kewujudan energi al-Quran tersebut. Salah satu kajian berhubung kekuatan al-Quran ialah kajian terhadap perubahan bentuk molekul air oleh Prof. Masaru Emoto semasa diperdengarkan bunyi yang tidak menyenangkan dan bunyi yang menyenangkan, salah satu bunyi yang digunakan dalam kajian beliau ialah ayat daripada al-Qur’an. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa molekul air yang diperdengarkan ayat al-Qur’an memiliki bentuk kristal air yang indah, berbanding bentuk molekul air yang diperdengarkan bunyi atau ucapan yang tidak baik, contohnya suara orang bergaduh, caci maki, dan sebagainya (Ahmad, 2012).

## **SURAH AL-FATIHAH DAN SURAH YASSIN**

Surah al-Fatihah ialah surah yang istimewa dalam al-Qur’an, oleh sebab itu surah ini diletakkan pada tempat yang paling tinggi sesuai dengan kemuliaannya (Mohamad Zaki, 2014). Oleh sebab itu kita wajib membacanya berulang kali, paling kurang 17 kali sehari semalam dalam solat fardu (Mohamad Zaki, 2014). Dalam solat, umat Muslim dituntut untuk membacanya dan tidak sah solat melainkan surah ini dibaca pada setiap rakaat sebagai syarat sah solat (Mohamad Zaki, 2014). Hadis yang diriwayatkan oleh Ubadah bin Samit r.a. mengatakan bahawa Rasulullah bersabda:

*“Tidak ada solat bagi sesiapa yang tidak membaca Al-Fatihah di dalamnya”* (Muttafaqun ‘alaih) (Mohamad Zaki, 2014).

Surah al-Fatihah diturunkan di Makkah sebelum hijrah Rasulullah dan termasuk dalam kategori ‘Surah Makkiyah’ (Mohamad Zaki, 2014). Al-Fatihah merupakan surah yang julung-julung kali diturunkan dengan kandungannya yang melengkap satu surah (Mohamad Zaki,

2014). Surah al-Fatihah mengandungi tujuh ayat, oleh sebab itu surah ini dikenali juga sebagai tujuh ayat yang diulang-ulang (Mohamad Zaki, 2014).

Nama al-Fatihah sebenarnya ialah singkatan daripada *Fatihah al-Kitab* atau Fatimah al-Quran. Ia dinamakan al-Fatihah kerana menjadi pembuka untuk al-Quran dan kerana Nabi Saw banyak menyebutkannya (Abu Bakar, 2012). Dirawayatkan dari Ali bin Abi Thalib a.s. bahawa Rasulullah Saw bersabda:

“*Fatihah Al-Kitab, ayat Kursi, Ali Imran 18, Ali Imran 26-27, semua ayat ini bergantung pada Arasy. Tidak ada penghalang antara mereka dengan Allah*”. (Abu Bakar, 2012)

Perkataan al-Fatihah berasal daripada *fataha, yaftahu, fathan*, yang ertinya membuka, keterbukaan (Abu Bakar, 2012). Keterbukaan yang dimaksud bermakna membuka yang tertutup dan kesulitan (Abu Bakar, 2012). Terdapat dua (2) bentuk keterbukaan iaitu: 1. Keterbukaan yang dapat dilihat dengan mata lahir seperti barang, pintu yang terbuka, kunci yang terbuka dan sebagainya; 2. Keterbukaan yang dapat dilihat dengan mata batin seperti petunjuk atau jalan untuk keluar daripada permasalahan (Abu Bakar, 2012).

Surah Yasin diturunkan selepas surah al-Jinn, iaitu selepas kembalinya Rasulullah dari Taif (Mohamad Zaki, 2014). Peristiwa di Taif menyayatkan hati Baginda kerana Baginda telah dihina dan diperlekehkan oleh masyarakat di sana tanpa perikemanusiaan (Mohamad Zaki, 2014). Dalam keadaan yang menyedihkan tersebut, Baginda telah berdoa dan merayu kepada Allah. Hasil daripada doa dan rayuannya, Baginda telah dihiburkan oleh Allah dengan kedatangan sekumpulan makhluk jin untuk menerima seruannya ketika Baginda singgah di Nakhlal semasa dalam perjalanan balik ke Makkah, dan seterusnya Baginda menerima wahyu yang terkandung dalam surah ini (Mohamad Zaki, 2014).

Surah Yasin merupakan surah yang ke-36 daripada 114 surah yang terdapat dalam Al-Quran (Mohamad Zaki, 2014). Surah ini mengandungi 83 ayat, yang semuanya diturunkan ketika Rasulullah berada di Makkah, kecuali ayat yang ke-12, yang diturunkan di Madinah selepas Baginda berhijrah ke sana (Mohamad Zaki, 2014). Hal ini menyebabkan Surah Yasin digolongkan dalam surah Makkiyyah (Mohamad Zaki, 2014).

Surah ini mengandungi tema yang sama seperti Surah *Makkiyyah* yang lain kerana surah ini mempunyai beberapa perkara penting diantaranya (Zul Hilmei, 2017):

1. Bermula dengan huruf potong.
2. Membicarakan mengenai asas-asas akidah.
3. Menerangkan kekuasaan dan keesaan Allah Swt.
4. Menjelaskan dan menegaskan tugas Nabi Muhammad Saw sebagai pembawa berita yang menggembirakan dan yang menakutkan.

Memperkukuhkan hari kebangkitan dengan memberikan hujah-hujah, serta dalil-dalil yang mengajak manusia menggunakan segala pancaindera manusia melalui penglihatan mereka terhadap kejadian, permulaannya dan penciptaan yang belum pernah direka oleh sesiapa sebelumnya.

## **WARNA AURA**

Warna Aura ialah warna yang serupa dengan warna yang dimiliki oleh pelangi. Hasil kajian mendapati bahawa aura manusia terdiri daripada tujuh lapisan atau peringkat (Lindgren, 2000).

Warna-warna ini adalah identik dengan keperibadian manusia. Manusia mempunyai warna dasar, atau kombinasi warna yang kekal. Walau bagaimanapun, warna dan tenaga yang terdapat dalam aura manusia boleh berubah dalam tempoh yang singkat, kerana ia berasal daripada elektrik yang terdapat dalam badan manusia. Lindgren (2000) menyatakan bahawa warna-warna asas dalam aura manusia boleh berubah dari masa ke masa. Kajian Aura yang dijalankan oleh Oscar Bagnall kepada responden yang memiliki permasalahan buta warna. Responden ini dipilih supaya tidak berlaku bias dalam kajian yang dijalankan. Hasil kajian mendapati bahawa kemampuan seseorang melihat warna Aura adalah bersifat subjektif. Hal ini bermakna bahawa warna Aura bergantung kepada penilaian setiap individu.

Selama lebih daripada 100 tahun, penyelidik berusaha untuk mendapatkan gambar Aura (Lindgren, 2000). Kajian yang dijalankan oleh Nikola Tesla berhubungan dengan cahaya sehingga dikenali sebagai pakar kuasa elektrik moden telah melatitkan dasar teknologi untuk merakamkan gambaran cahaya yang menjadi asas kepada teknologi fotografi Kirlian (Lindgren, 2000). Tesla mengambil gambar aura yang pertama menggunakan teknologi fotografi Kirlian pada tahun 1890-an. Dia telah mengambil gambar-gambar aura sekitar hujung jari, dan juga aura badan keseluruhan, dengan menggunakan alat yang telah dihubungkan dengan badan (Lindgren, 2000). Kirlian dan Valentina mengembangkan suatu kaedah baharu untuk mengambil gambar Aura (Lindgren, 2000). Kaedah fotografi Kirlian mewujudkan imej energi di sekeliling objek hidup yang digunakan dalam kajian. Kaedah ini melibatkan penggunaan elektrik untuk mendedahkan bentuk dan warna tertentu yang dihantar ke plat fotografi (Lindgren, 2000).

Kajian yang dijalankan oleh Hunt mendapati bahawa perubahan warna Aura yang diperhatikan oleh pakar psikik sesuai dengan rakaman EMG. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa warna Aura memiliki hubungan rapat dengan corak gelombang elektrik (Lindgren, 2000). Guy Coggins (1980) (dalam Lindgren, 2000) membangunkan sebuah kamera untuk mengesan dan memaparkan gambaran aura atau medan elektromagnetik di persekitaran manusia. Peralatan ini menggunakan kaedah biofeedback. Warna, bentuk dan saiz aura yang dihasilkan oleh kamera tersebut berhubungkait rapat dengan emosi dan rohani seseorang (Lindgren & Jennifer, 1997).


Mendengar al-Qur'an apabila ia dibacakan dengan kuat mempunyai kesan ke atas parameter fisiologi seperti degupan jantung, tekanan darah dan ketegangan otot. Kesan-kesan telah dilaporkan pada setiap orang sama ada beliau Muslim atau bukan Islam, Arab atau bukan Arab (Athar, 2009, p. 13).

Walaupun kajian yang dijalankan oleh Prof. Masaru Emoto dan pasukannya menunjukkan bahawa al-Quran mempunyai kekuatan atau energi tertentu, akan tetapi kajian tersebut tidak dapat mengungkapkan jenis kekuatan atau energi daripada al-Quran itu sendiri (Ahmad, 2012). Sampai saat ini, bentuk kekuatan atau energi yang dimiliki oleh al-Quran masih belum dapat dijelaskan secara saintifik. Setiap surah dalam al-Quran diyakini memiliki kekuatan atau energi tersendiri, akan tetapi sehingga saat ini masih belum diketahui kekuatan sebenar setiap surah yang terdapat dalam al-Quran. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti energi atau kekuatan sebenar surah dalam al-Qur'an menggunakan teknologi moden.

## **METODE KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini ialah kajian eksperimen. Reka bentuk eksperimen yang digunakan adalah kuasi eksperimen. Kaedah kuasi eksperimen digunakan dalam kajian ini kerana kaedah

eksperimen sebenar sangat sukar untuk digunakan disebabkan sukarnya melakukan kawalan kepada responden dan tiadanya makmal eksperimen di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang sesuai untuk menyokong kawalan 24 jam selama eksperimen dijalankan. Rekabentuk eksperimen yang digunakan adalah rekabentuk *pre* dan *posttest*. Rekabentuk ini ditunjukkan seperti di bawah ini:




Rajah 1. Rekabentuk Pelaksanaan Eksperimen dengan menggunakan Surah al-Fatihah dan Surah Yasin

Rekabentuk di atas menunjukkan bahawa sebelum eksperimen dijalankan, pengkaji akan mengumpulkan maklumat berupa data warna aura dan ukuran fisiologi dalaman daripada setiap responden (sebelum mendapat rawatan). Setelah itu, setiap responden akan mendapat rawatan berupa Surah al-Fatihah (10 minit), satu minggu kemudian akan responden akan mendapat rawatan Surah Yasin, dan akhirnya 1 minggu selepas itu, responden akan mendapat rawatan terakhir berupa Salawat Nabi. Pada akhir kajian, data warna aura setiap responden akan dibandingkan antara data sebelum dan selepas mendapat rawatan.

Responden kajian ialah belia berumur antara 20 sehingga 40 tahun. Responden kajian terdiri daripada mahasiswa dan kakitangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Responden kajian ini berjumlah seramai 30 orang responden. Menurut Roscoe (1975) dalam Uma Sekaran (2006) menyebutkan bahawa untuk penyelidikan eksperimental sederhana dengan menggunakan kumpulan kawalan, jumlah responden yang sesuai ialah responden dengan ukuran kecil iaitu antara 10 sehingga 20. Responden kajian yang digunakan dalam kajian ini melebihi syarat jumlah minimum responden kajian eksperimental. Responden kajian dibahagikan kepada dua (2) kumpulan iaitu kumpulan Muslim dan kumpulan bukan Muslim. Setiap kumpulan terdiri daripada 15 orang.

Kajian ini dijalankan di makmal eksperimen Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI), UMK kampus Bachok. Kajian dijalankan masa pagi antara pukul 10:00 pagi – 12:00 tengah hari. Semua data kajian diambil pada masa yang sama, hal ini bertujuan untuk menghindarkan hasil kajian yang berbeza dan salah.




Gambar 1. Peralatan Mesin Aura dan Pelaksanaan eksperimen

Data aura dalam kajian ini diperolehi menggunakan peralatan *WinAura Pro* daripada Amerika Syarikat. Peralatan ini diciptakan oleh Guy Coggins. Peralatan *WinAura* terdiri daripada *Aura sensor box (handplate)*, *WinAura Pro software*, *WinAura Dongle key*, dan *webcam*.

Data aura yang diperolehi akan direkodkan dan dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan frekuensi bagi mengetahui tahap kekerapan warna Aura yang terjadi ketika suatu Surah diperdengarkan. Interpretasi atau pemaknaan warna yang dihasilkan oleh peralatan *WinAura* ini mengikuti Guy Coggins, selaku pencipta alat ini. Pemaknaan warna ini berdasarkan tafsiran warna atas ukuran elektrik yang berbeza-beza. Setiap warna mempunyai frekuensi elektrik tertentu dan sepadan yang dapat diukur.

**HASIL KAJIAN**

**Surah al-Fatihah**




Graf 1. Warna aura yang dihasilkan semasa eksperimen diperdengarkan Surah Al-Fatihah

Daripada graf di atas dikenalpasti terdapat 9 warna aura yang dihasilkan. Daripada ke-9 warna aura tersebut, warna Aura yang paling dominan untuk kumpulan Muslim dan bukan Muslim adalah warna hijau.

Walaupun diketahui bahawa warna aura yang dominan untuk Surah al-Fatihah adalah warna hijau, akan tetapi tidak diketahui kesan daripada kekuatan atau energi yang dimiliki surah ini.


Jadual 1. Kesan Surah al-Fatihah kepada badan, minda dan spiritual responden

	Surah al-Fatihah		
	BODY	MIND	SPIRIT
Muslim	2	7	6
Bukan Muslim	4	9	2



Graf 2. Kesan Surah al-Fatihah kepada badan, minda dan spiritual responden kajian

**Surah Yasin**




Graf 3. Warna aura yang dihasilkan semasa eksperimen diperdengarkan Surah Yasin

Daripada jadual dan graf di atas dikenalpasti terdapat 7 warna aura yang dihasilkan. Daripada ke-7 warna Aura tersebut, warna Aura yang paling dominan untuk kumpulan Muslim ialah warna biru, dan warna yang paling dominan untuk kumpulan bukan Muslim ialah warna oren.

Walaupun diketahui bahawa warna aura yang dominan untuk Surah Yasin bagi responden Muslim ialah warna biru dan bagi responden bukan Muslim ialah warna oren, akan tetapi tidak diketahui kesan daripada kekuatan atau energi yang dimiliki surah ini.

Jadual 2. Kesan Surah Yasin kepada badan, minda dan spiritual responden

	Surah Yasin		
	<b>BODY</b>	<b>MIND</b>	<b>SPIRIT</b>
Muslim	1	8	6
Bukan Muslim	4	9	2



Graf 4. Kesan Surah Yasin kepada badan, minda dan spiritual responden kajian

Daripada jadual dan graf di atas diketahui bahawa energi daripada Surah Yasin memberi kesan kepada minda (*mind*), baik responden Muslim mahupun bukan Muslim.

**PERBINCANGAN**

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa kekuatan atau energi sebenar daripada Surah al-Fatihah ialah aura berwarna hijau. Berdasarkan definisi warna aura daripada Guy Coggins, warna hijau ini berhubungan rapat dengan penyembuhan atau rawatan (Lindgren, 2000). Jenis penyembuhan atau rawatan yang dimaksud ialah rawatan minda (*mind*). Oleh sebab itu, surah ini sangat sesuai digunakan membantu menyelesaikan masalah-masalah yang berhubungan dengan permasalahan mental contohnya masalah psikologi, perasaan tertekan, depresi, dan sebagainya. Semasa seseorang mendengar Surah al-Fatihah, dalaman badan responden akan membentuk elektrik badan tertentu dan diertikan oleh peralatan *WinAura* sebagai aura berwarna hijau.

Berdasarkan kedudukannya, Surah al-Fatihah ialah surah yang istimewa dan diletakkan pada tempat yang paling tinggi dalam al-Quran. Dalam kajian ini membuktikan secara saintifik



bahawa Surah al-Fatihah mempunyai impak yang dapat memberi ketenangan. Dengan membaca surah ini berulang kali, ia akan memberi ketenangan kepada seseorang. Salah satu keistimewaan surah ini ialah kesan atau impak daripada surah ini bersifat universal kerana dapat dirasakan oleh semua individu, baik yang beragama Islam mahupun bukan Islam.

Surah ini sesuai dibaca secara berulang-ulang oleh individu yang sedang mengalami permasalahan psikologi seperti ketakutan, kebimbangan semasa menghadapi peperiksaan, menghadapi permasalahan berkaitan pekerjaan, permasalahan keluarga dan sebagainya. Surah al-Fatihah selain memberi ketenangan, ia juga memberi kekuatan kepada individu. Berdasarkan kajian ini, kesan Surah al-Fatihah adalah kepada minda seseorang dan bukan kepada fizikalnya. Surah ini membantu dalam proses penyembuhan masalah mental berbanding fizikal.

Hasil kajian ini mendapati kesan yang berbeza Surah Yasin untuk responden Muslim dan bukan Muslim. Bagi individu Muslim, Surah Yasin memberi perasaan damai dan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Swt. Sedangkan bagi individu bukan Muslim, Surah Yasin memberi kesan meningkatkan semangat dan memberi perasaan gembira.

Bagi umat Muslim, kekuatan daripada mendengar Surah Yasin adalah bersesuaian dan selari dengan tujuan Allah Swt menurunkan surah ini iaitu untuk menambahkan keyakinan kepada Allah Swt dan untuk menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan umat Islam. Dengan mendengar Surah Yasin, umat Muslim akan mendapatkan kedamaian dan menambah ketaqwaan kepada Allah Swt dalam bentuk menyerahkan hidup mereka kepada kehendakNya.

Bagi individu yang bukan Muslim dan tidak mengetahui tentang Surah Yasin, surah ini secara tidak langsung memberi perasaan gembira dan membangkitkan semangat hidup ketika mereka mendengarnya. Kesan yang dihasilkan ini merupakan kesan yang tidak disedari, dan kesan ini merupakan energi atau kekuatan sebenar daripada Surah Yasin.

Kesimpulan penyelidikan ini adalah energi atau kekuatan daripada Al-Qur'an dapat dibuktikan secara saintifik melalui perubahan ukuran elektrik badan manusia, yang mana ukuran tahap elektrik tersebut diubah dalam bentuk warna, dan dikenali sebagai warna Aura.

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin menyampaikan penghargaan setinggi-tingginya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (dahulunya Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia) yang telah meluluskan geran kajian *Research Acculturation Collaborative Effort* (RACE) sehingga kajian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Zainal Abidin. (2012). Tafsir, Fadilat & Khasiat Surah Al-Fatihah. Rawang: Pustaka Ilmuwan
- Ahmad Yanuana Samantho.(2012). Ilmuwan Jepang:Ternyata Air Hidup dan Dapat Mendengar. Diakses pada: 4 Januari 2020 daripada: <http://google.com/amp/s/ahmadsamantho.wordpress.com/2012/11/07/ilmuwan-jepang-ternyata-air-hidup-dan-dapat-dapat-mendengar/amp/>.
- Athar, Shahid, (2009). *Health Concerns For The Believers*. Diakses pada: 5 Julai 2019 daripada: [www.islamic-Qurantherapy.Com](http://www.islamic-Qurantherapy.Com).
- Awan Cristianto Pim. (2010). Asal Usul dan Sejarah Al-Quran Kitab Suci Agama Islam. Diakses pada: 9 Julai 2019 daripada: <http://asal-usul-motivasi.blogspot.my/2010/10/asal-usul-dan-sejarah-al-quran-kitab.html>.

- Lindgren, C. E., DLitt. (2000). *Capturing The Aura. Integrating Science, Technology, and Metaphysics*. California: Blue Dolphin Publishing.
- Mohamad Zaki Abdul Halim. 2014. *Rahsia 7 Surah Pilihan*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Sharhan Safie. 2014. *Rahsia Surah Al-Fatihah Keajaiban & Khasiatnya*. Machang: Al-Ruqyah Thobibi.